

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 MARCH 2017

Kualiti pasaran modal negara diiktiraf antarabangsa

BH-15/3/2017

➔ Keputusan IOSCO jadikan Kuala Lumpur hab Asia Pasifik tepat: PM

Oleh Mahanum Abdul Aziz, Mohd Zaky Zainuddin dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan Hab Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) Asia Pasifik yang pertama di rantau ini di sini.

Hab IOSCO Asia Pasifik terletak di bangunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di sini dan menjadi pejabat pertama IOSCO di luar ibu pejabatnya di Madrid, Sepanyol.

Perdana Menteri berkata, pemilihan Malaysia bukan saja mencerminkan kekukuhan dan kualiti pasaran modal negara serta badan kawal selianya, tetapi turut mengiktiraf peranan negara di peringkat antarabangsa dalam membangunkan pasaran modal

global yang kukuh.

“Penubuhan hab serantau ini adalah tepat pada masanya kerana Asia Pasifik kini menjadi pemain utama dalam pasaran global. Asia Pasifik kini menyumbang hampir 30 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global, sekali ganda berbanding 1980.

“Selain itu, rantau ini juga mewakili 47 peratus daripada sektor pengeluaran dunia. Dijangkakan pada 2030, rantau ini akan mewakili 59 peratus daripada golongan berpendapatan pertengahan di dunia,” katanya dalam ucapan pada majlis itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sangat berbesar hati kerana Malaysia dipilih oleh IOSCO untuk dijadikan hab di rantau Asia Pasifik.

IOSCO adalah organisasi kawal selia global, badan penentu piawaian antarabangsa dan pengawal seliaan pasaran modal yang mewakili hampir 115 negara dengan



Rantau ini juga mewakili 47 peratus daripada sektor pengeluaran dunia. Dijangkakan pada 2030, rantau ini akan mewakili 59 peratus daripada golongan berpendapatan pertengahan di dunia”

Najib Razak,
Perdana Menteri

pasaran keseluruhan bernilai RM616 trilion (AS\$140 trilion).

Wujud kerjasama erat

Peranan pertubuhan itu adalah untuk mewujudkan kerjasama erat merentasi sempadan dan kepakaran dalam kalangan rakan pengawal selia domestik serta antarabangsa dalam membangunkan pasaran modal Asia Pasifik dan kapasitinya.

Yang turut hadir pada pelancaran itu ialah Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Seri Ranjit Ajit Singh dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan Hong Kong, Ashley Alder.

Sementara itu, Najib berkata keputusan kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi dan memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah tepat biarpun ia bukan langkah popular dalam kalangan rakyat.

Katanya, ia adalah satu keputusan yang sukar dan ramai pihak menasihatinya supaya tidak melakukannya, namun keputusan itu perlu dibuat kerana kerajaan sekarang bukanlah kerajaan populis dan akan mengambil apa saja langkah untuk membuat keputusan yang tepat walaupun tidak popular.

“Kini kita sudah dapat menyaksikan langkah yang diambil telah menunjukkan hasilnya. India juga akan mula melaksanakan GST pada bulan depan dengan kadar 23 peratus dan Arab Saudi pula pada tahun depan.

“Selain itu) Kita juga berjaya mengurangkan kebergantungan kerajaan terhadap hasil minyak dan gas daripada 41 peratus pada 2009 kepada hanya 14 peratus ketika ini,” katanya.